

Kualiti pendidikan meningkat

Kuala Lumpur: Kualiti dan pencapaian pendidikan negara menunjukkan peningkatan berterusan dengan pengenalan pelbagai inisiatif oleh Kementerian Pendidikan.

Ia juga berdasarkan pencapaian dan pengiktirafan dicapai Universiti Awam (UA) di peringkat antarabangsa, selain pelbagai usaha dijalankan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh yakin ada peningkatan dalam keputusan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) yang bakal diadakan pada April ini.

“Berdasarkan pelbagai usaha yang dijalankan ketika ini seperti ujian psikometrik dan Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), kementerian yakin sistem pendidikan akan terus meningkat.

Catat pelbagai pencapaian

“Tidak adil untuk menilai kedudukan sistem pendidikan negara hanya berdasarkan keputusan PISA pada 2012, sedangkan banyak pencapaian lain boleh diambil kira, termasuk peningkatan kedudukan Universiti Malaya (UM) dari kedudukan ke 167 kepada 151, pengiktirafan ke atas lebih 11 fakulti di UA sebagai antara 100 terbaik di dunia,” katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Pingat Tunku 2014 Yayasan Tunku Abdul Rahman di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan pingat emas dan wang tunai RM5,000 kepada graduan Ijazah Sains Bioperubatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Ana Masara Ahmad Mokhtar, 24.